




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**


HARI RABU : 29 NOVEMBER 2017



KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.11 HINGGA NO. 51)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



Soalan No:11

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 29.11.2017

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan penerapan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di kalangan pelajar serta pada masa yang sama membina minat dalam bidang keusahawanan bagi tujuan pembudayaan pengkomersialan hasil daripada penginovasian teknologi tersebut di peringkat usia muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi keutamaan kepada usaha penerapan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan murid. STEM diajar dan diterap melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam dan luar bilik darjah seperti yang dihasratkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). PdP dan aktiviti STEM berkehendakkan murid menghasilkan 'produk' seperti dokumen, model, atau prototaip yang separa berfungsi atau berfungsi penuh sama ada secara individu atau berkumpulan sebagai bukti pembelajaran mereka. Aktiviti seumpama ini dirancang bertujuan untuk melatih murid berfikir seperti seorang usahawan yang berusaha

menghasilkan dan memasarkan produk mereka. Semasa PdP STEM, murid diberi peluang untuk menghasilkan produk dan membentangkan produk di hadapan kelas, dan menceritakan pengalaman proses mereka bentuk dan membina produk. Produk mereka juga akan dinilai oleh rakan sekelas dan guru berdasarkan rubrik yang telah ditetapkan. Segala pandangan dan kritikan diambil maklum oleh murid bagi menambah baik produk mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan minat murid dalam bidang STEM. Terkini, KPM bersama-sama Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang memantapkan Pelan Tindakan STEM Nasional. Antara fokus dalam pelan itu ialah penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan. Melalui fokus tersebut, satu kaedah atau pelantar akan disediakan kepada murid untuk membangunkan produk yang inovatif, di samping membuat pendedahan tentang kaedah pengkomersialan produk tersebut.